

MITI rangka pelan strategik tingkat pelaburan semikonduktor

BERITA HARIAN 18 APR 2024 m/s: 3

Usaha tarik minat syarikat antarabangsa tubuh fasiliti berkualiti tinggi

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan merangka Pelan Strategik Semikonduktor bagi memastikan negara terus kekal sebagai destinasi pelaburan terpilih bagi industri strategik itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) diberi tanggungjawab untuk akan merangka pelan menyeluruh itu.

Beliau berkata, pelan strategik itu turut meliputi pakej insentif yang lebih menarik bagi meningkatkan kemasukan pelaburan strategik dalam semikonduktor berteknologi tinggi, khususnya bagi menggalakkan lebih banyak aktiviti *front-end* dalam industri itu.

Keputusan merangka Pelan Strategik Semikonduktor diputuskan dalam mesyuarat Majlis



Anwar mempengerusikan mesyuarat Majlis Pelaburan Negara (MPN) di Putrajaya, kelmarin.

(Foto ihsan FB Anwar Ibrahim)

Pelaburan Negara (MPN) yang dipengerusikan Anwar, kelmarin.

“Semalam (kelmarin) saya mempengerusikan mesyuarat MPN yang antara lain meneliti kedudukan semasa dan prospek masa hadapan negara bagi industri semikonduktor, termasuklah sokongan kepada pelbagai cadangan pengembangan yang diajukan kepada saya sebelum ini.

“Sehubungan itu, mesyuarat

memutuskan MITI untuk merangka Pelan Strategik Semikonduktor secara menyeluruh bagi memastikan Malaysia terus kekal sebagai destinasi pelaburan terpilih, bagi industri strategik ini.

“Hal ini penting bagi menarik minat pelbagai syarikat semikonduktor antarabangsa untuk menubuhkan fasiliti pembuatan semikonduktor berkualiti tinggi di Malaysia,” katanya da-

lam kenyataan.

Setuju pembangunan KIGIP

Anwar berkata, mesyuarat MPN juga bersetuju terhadap cadangan pembangunan Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP).

KIGIP akan dilaksana secara usaha sama oleh syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dengan kerjasama kerajaan Pusat dan kerajaan negeri Perak.

“Ini adalah titik tolak kepada usaha kerajaan MADANI untuk mempercepat pembangunan KIGIP, yang dilihat sebagai pemangkin utama bagi menarik pelaburan hijau ke dalam negara.

“Pengoperasiaan KIGIP akan dijana sepenuhnya dengan Tenaga Boleh Baharu (TBB) selaras dengan aspirasi negara ke arah mencapai neutral karbon seawal 2050,” katanya.